

40 peratus pelbagai subsidi dinikmati golongan kaya

Kerajaan tak berganjak kurangkan bantuan tarif elektrik, haji T20

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan tidak akan berganjak dengan pendiriannya untuk mengurangkan subsidi bagi golongan kaya, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri mendedahkan ia berikutan sekurang-kurangnya 40 peratus subsidi yang disalurkan kerajaan kepada golongan yang memerlukan ketika ini dinikmati golongan kaya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan tidak akan berganjak dengan pendirian untuk mengurangkan subsidi bagi golongan kaya, seperti mana rasionalisasi yang dilaksanakan untuk bantuan kewangan haji dan tarif elektrik.

Katanya, penjimatan itu adalah perlu kerana dalam kajian dibentangkan jawatankuasa penasihat Kementerian Kewangan

kepadanya, 40 peratus subsidi itu sampai kepada golongan yang tidak layak menerima bantuan.

“Saya masih tidak faham kenapa kita nak pertahankan, kita tidak berganjak dengan pendirian tidak mengurangkan subsidi bagi rakyat.

“Namun, subsidi untuk haji dan elektrik yang selama ini dimanfaatkan oleh golongan kaya tidak munasabah untuk diteruskan, jadi prinsip ini akan tetap diguna pakai dalam perbincangan soal subsidi diesel dan lain-lain.

“Ini selari dengan tindakan kita sebelumnya dalam soal tarif elektrik yang disambut baik walaupun cuba dipermainkan oleh setengah pihak, kerana tarif elektrik ini naik hanya bagi syarikat besar dan rumah golongan kaya pada peringkat teratas.

“Ia tidak langsung membebankan rakyat, berbeza dengan cadangan kerajaan terdahulu, yang mahu menaikkan kadar elektrik bagi semua,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Menurut Kementerian Kewangan jumlah subsidi ditanggung

kerajaan tahun lalu mencecah hampir RM80 bilion, terbesar dalam sejarah.

Bulan lalu, Anwar dilaporkan berkata golongan berpendapatan tinggi (T20) tidak akan menerima manfaat subsidi bagi penggunaan elektrik serta bantuan kewangan haji.

“Kita tidak menaikkan kadar elektrik melainkan kepada T20. Untuk T20 sahaja, iaitu yang ada rumah besar, tidak akan diberi subsidi elektrik dan pangkalan data utama PADU akan dapat menyelaraskan semua.

“Ini sama seperti haji. Bantuan kewangan haji kepada B40 kita tambah, tetapi kepada T20 tidak ada lagi tambahan dan subsidi dari kerajaan.

“Mereka (T20) harus tanggung kos sepenuhnya haji kerana mereka mampu,” katanya pada sesi soal jawab lisan pada hari pertama persidangan Dewan Rakyat bulan lalu.

Lembaga Tabung Haji menetapkan bantuan kewangan haji (Hafis) bagi ibadah haji tahun ini diperuntukkan kepada jemaah muassasah B40 dan M40 yang pertama kali menunaikan haji saja, manakala jemaah muassasah T20 yang berpendapatan lebih RM15,000 akan dikenakan bayaran penuh kos menunaikan haji.